

**MCA dakwa S'gor selamatkan Talam guna dana k'jaan
MalaysiaKini.com
3 Julai, 2012
Oleh Aidila Razak**

MCA hari ini mendedahkan dokumen yang mendakwa menunjukkan bahawa Selangor menggunakan lebih RM260 juta untuk menyelamatkan syarikat pembinaan Talam Corporation Bhd melalui proses perakaunan rumit.

Anggota jawatankuasa pusat parti itu, Datuk Chua Tee Yong mendakwa pentadbiran Pakatan Rakyat tidak menjelaskan perkaras sebenar berhubung usaha memungut hutang melibatkan Talam itu.

Beliau bagaimanapun menjelaskan bahawa jumlah tersebut bukanlah skandal RM1 bilion yang disebutkan sebelumnya.

Tambahnya, jumlah RM1 bilion itu melibatkan jumlah yang beredar dalam seluruh urusan niaga yang dipertikaikannya.

Chua mendakwa, kerajaan negeri berjanji untuk mengutip semua hutang Talam kepada syarikat atau agensi kerajaan negeri.

Namun fakta yang diperolehinya menunjukkan kerajaan negeri sebaliknya memberikan wang tunai kepada Talam untuk aset syarikat tersebut, dakwanya.